

# ‘Beri peluang Anwar bukti kemampuan terajui negara’

Sultan Johor titah tak mungkin PM dapat lakukan perubahan dalam setahun

Oleh Mohamed Farid Noh  
farid\_noh@bh.com.my

**Johor Bahru:** Sultan Johor, Sultan Ibrahim Iskandar mengesakan rakyat Malaysia memberi peluang kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk membuktikan kemampuannya sebagai Perdana Menteri dalam menerajui negara.

Dalam temu bual eksklusif bersama *The Straits Times Singapore*, Sultan Ibrahim bertitah, tidak mungkin Anwar membuat perubahan mendadak dalam tempoh satu tahun Kerajaan Perpaduan pimpinannya.

“Saya tidak fikir anda boleh menukar negara dalam satu tahun. Saya fikir (Kerajaan Perpaduan) ada menteri yang baik seperti Anthony Loke (Menteri Pengangkutan).”

“Saya akan menyokong kerajaan, namun jika saya fikir mereka melakukan sesuatu yang tidak wajar, saya akan memberitahu mereka,” titah baginda dipetik akhbar itu.

Sultan Ibrahim bertitah, baginda juga tidak menjangkakan akan ada masalah bekerja dengan Anwar kerana Ahli Parlimen Tambun itu mempunyai hubungan rapat dengan baginda.

Titah bertitah, Anwar kadangkala menghubunginya untuk

mendapatkan nasihat, walaupun pada tengah malam.

Pada 27 Oktober lalu, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-17, menggantikan Al-Sultan Abdullah Ri’ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dari Pahang yang berkhidmat sebagai Yang di-Pertuan Agong Ke-16.

Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, Tan Sri Syed Danial Syed Ahmad dilaporkan berkata, pelantikan baginda selama lima tahun itu berkuat kuasa 31 Januari 2024.

Majlis Raja-Raja juga bersetuju mengisytiharkan Sultan Perak, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah, sebagai Timbalan Yang di-Pertuan Agong, selama lima tahun mulai dari tarikh sama.

Dalam temu bual itu, Sultan Ibrahim bertitah baginda mahu memastikan tiada perpecahan di negara ini yang menjadi antara cabaran terbesar baginda selain menghentikan amalan rasuah apabila memikul tugas sebagai Yang di-Pertuan Agong, tahun depan.

## Perbaiki ekonomi negara

Bagi baginda, kerajaan yang stabil haruslah konsisten dengan dasar mampan yang diperlukan untuk memperbaiki ekonomi negara dan punca utama ketidakstabilan politik negara dicituskan ‘perengkus’ atau golongan tertentu yang kalah dalam pilihan raya.

“Ramai menyumbang ratusan juta sebelum pilihan raya. Bagaimana anda membayar mereka kembali, (adakah dengan) memberi mereka projek mega?”

“Itu tidak akan berlaku apabila saya menjadi Yang di-Pertuan Agong. Sayang sekali, siapa yang



meminta anda memberi (sumbangan politik).

“Daripada moyang saya, kami adalah pemburu yang hebat. Saya akan pastikan apabila saya pergi memburu, saya membawa balik hasil yang bagus.”

“Tetapi apabila saya di Kuala Lumpur nanti, ia adalah hutan konkrit, jadi apa yang saya buru? Saya akan memburu semua orang yang korup. Saya akan pastikan saya membawa hasil (buru orang yang korup),” titah baginda.

Sultan Ibrahim turut mencadangkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) melaporkan terus kepada Yang di-Pertuan Agong, bukan kepada Parlimen seperti sekarang.

“Jika (SPRM) datang kepada Agong, bermakna anda tidak berada di bawah pengaruh ma-

na-mana pihak eksekutif. PETRONAS pun tidak sepatutnya berada di bawah Parlimen, lapor terus kepada saya,” titah baginda.

Sultan Ibrahim turut mencadangkan pelantikan kehakiman mesti diasingkan daripada badan eksekutif, bagi memastikan badan kehakiman negara benar-benar bebas.

“Hakim dilantik oleh Raja, atas nasihat Perdana Menteri selepas panel pelantikan mengesyorkan calon berkenaan.”

“Kami (Raja-Raja) hanya mendapat senarai itu (dari Pejabat Perdana Menteri) semasa Majlis Raja-Raja bersidang. Mengapa anda tidak menyenaraikan nama-nama calon yang layak (kepada kami) sebelum anda melantik? Kami (Raja-Raja) bukan *rubber stamp*,” titah baginda.